



16 Jun 2011  
16 June 2011  
P.U. (B) 311

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

SKIM BAGI PENGENDALIAN, PENGANJURAN DAN  
PENGURUSAN PERTARUHAN SABAH 3D 2011

*SCHEME FOR THE OPERATION, PROMOTION AND  
MANAGEMENT OF BETTING OF SABAH 3D 2011*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERTARUHAN POOL 1967

SKIM BAGI PENGENDALIAN, PENGANJURAN DAN PENGURUSAN  
PERTARUHAN SABAH 3D 2011

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Skim ini bolehlah dinamakan **Skim bagi Pengendalian, Penganjuran dan Pengurusan Pertaruhan SABAH 3D 2011**.

(2) Skim ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2001.

**Tafsiran**

2. Dalam Skim ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“3D” ertinya SABAH 3D;

“Akta” ertinya Akta Pertaruhan Pool 1967 [*Akta 384*];

“angka” ertinya satu integer bukan negatif bermula dari sifar hingga sembilan;

“cabutan” ertinya nombor kemenangan yang dipilih secara rawak oleh pemegang lesen;

“Cabutan 3D” ertinya cabutan nombor daripada peralatan cabutan di bawah Skim ini;

“ejen” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh pemegang lesen, termasuk mana-mana pekerjanya, untuk menjalankan apa-apa transaksi kewangan berhubungan dengan Pertaruhan 3D;

“harga” ertinya jumlah pertaruhan yang kena dibayar oleh peserta kepada pemegang lesen atau ejennya, dan termasuk cukai, jika ada;

“kod keselamatan” ertinya apa-apa bentuk kod yang tertera pada resit tiket bagi tujuan kawalan keselamatan;

“kod pengenalan” ertinya suatu kombinasi abjad dan angka nombor kawalan yang unik yang dicetak pada resit tiket atau apa-apa cara pengenalan lain yang ditentukan oleh pemegang lesen dari semasa ke semasa;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Akta;

“Menteri” ertinya Menteri Kewangan;

“mesej pengesahan” ertinya mesej yang dipapar pada skrin paparan atau mana-mana perantaraan lain sistem dalam talian;

“nombor cabutan” ertinya nombor yang ditetapkan oleh pemegang lesen untuk Cabutan 3D;

“nombor kemenangan” ertinya nombor 3-angka yang dicabut untuk Cabutan 3D yang berkaitan;

“nombor ramalan” ertinya nombor yang dipilih oleh peserta atau ditentukan oleh sistem dalam talian bagi pihak peserta dan dicetak pada resit tiket;

“orang” ertinya mana-mana individu, persatuan, perbadanan, kelab, syarikat atau perkongsian;

“pembawa” ertinya mana-mana orang yang memiliki resit tiket;

“pemegang lesen” ertinya Diriwan Corporation Sendirian Berhad (No. Syarikat: 163249-X);

“pemenang” ertinya mana-mana pembawa resit tiket kemenangan;

“Pertaruhan 3D” ertinya pertaruhan yang ditempah dalam permainan 3D;

“pertaruhan biasa” ertinya pertaruhan oleh seorang peserta bagi 3-angka nombor ramalan yang dipilih dalam urutan tepat dari kiri ke kanan, agar satu resit tiket pertaruhan biasa akan memenangi satu hadiah jika 3-angka nombor ramalan adalah sama dengan 3-angka nombor kemenangan yang dicabut dalam urutan yang sama dari kiri ke kanan;

“pertaruhan PAU” ertinya pertaruhan oleh seorang peserta bagi 3-angka nombor ramalan yang dipilih dalam mana-mana susunan, agar satu resit tiket pertaruhan PAU akan memenangi satu hadiah jika 3-angka nombor ramalan tersebut adalah sama dengan 3-angka nombor kemenangan, tanpa mengambil kira susunan nombor yang dipilih dan dicabut;

“peserta” ertinya mana-mana orang yang mengambil bahagian dalam Pertaruhan 3D dengan membeli resit tiket, termasuk orang yang menuntut hadiah;

“*Quick Pick*” ertinya nombor ramalan 3-angka yang dipilih secara rawak oleh sistem dalam talian dan resit tiket yang dikeluarkan dengan cara ini hendaklah dipanggil tiket *Quick Pick*;

“resit tiket” ertinya tiket 3D yang dikeluarkan oleh pemegang lesen dan dibeli oleh peserta;

“Sijil” ertinya dokumen rasmi keputusan cabutan yang merekodkan nombor kemenangan untuk Cabutan 3D tertentu yang disahkan oleh pemegang lesen;

“sistem dalam talian” ertinya sistem berkomputer pemegang lesen bagi mengendalikan Pertaruhan 3D, termasuk peralatan lain yang diluluskan oleh pemegang lesen;

“Skim” ertinya Skim bagi Pengendalian, Penganjuran dan Pengurusan Pertaruhan SABAH 3D;

“slip taruhan” ertinya slip kertas yang digunakan oleh peserta bagi menyertai Pertaruhan 3D melalui sistem dalam talian atau sistem lain yang seumpamanya yang dianggap sesuai oleh pemegang lesen;

“taruhan” ertinya jumlah wang yang ingin dipertaruhkan oleh seorang peserta pada pemilihannya;

“tiket kemenangan” ertinya resit tiket yang mengandungi mana-mana nombor ramalan yang sepadan dengan nombor kemenangan; dan

“unit pertaruhan” ertinya amaun yang ditentukan oleh pemegang lesen sebagai pertaruhan minimum bagi setiap nombor ramalan, tidak termasuk cukai kerajaan yang hendaklah ditanggung oleh peserta.

#### **Pelaksanaan hak di bawah lesen**

3. Tertakluk kepada Akta, pemegang lesen boleh, dari semasa ke semasa, mengendali, menganjur dan menguruskan Pertaruhan 3D mengikut lesen.

#### **Penubuhan pejabat**

4. (1) Pemegang lesen boleh menubuhkan pejabat di tempat sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi pengendalian, penganjuran dan pengurusan Pertaruhan 3D di bawah Skim ini.

(2) Bagi tujuan Pertaruhan 3D melalui sistem dalam talian, pemegang lesen hendaklah mengemukakan bagi kelulusan Menteri, nama dan alamat premis di mana transaksi kewangan berhubungan dengan Pertaruhan 3D melalui sistem dalam talian akan dikendalikan.

#### **Ejen dan pekerja**

5. (1) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan bagi kelulusan Menteri, nama, alamat dan butiran lain mana-mana orang yang hendak dilantik sebagai ejennya.

(2) Pemegang lesen boleh mengambil kerja mana-mana orang untuk menguruskan pengendalian harian Pertaruhan 3D, tetapi pengambilan kerja itu tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu penyerahan hak dan tanggungan di bawah lesen itu.

(3) Tiada seorang pun melainkan ejen atau pekerja yang dirujuk dalam subperenggan (1) dan (2) hendaklah menjalankan, atau terlibat dalam, pengendalian harian Pertaruhan 3D.

### **Pertaruhan 3D**

6. (1) Dalam membuat Pertaruhan 3D, peserta hendaklah memilih daripada yang berikut—

- (a) nombor ramalan 3-angka daripada 000 hingga 999;
- (b) pertaruhan biasa atau pertaruhan PAU atau *Quick Pick* untuk setiap nombor ramalan 3-angka yang dipilih;
- (c) nombor cabutan dan tarikh cabutan; atau
- (d) pertaruhan.

(2) Peserta boleh memilih nombor ramalan 3-angka dan membayar pertaruhannya dalam mana-mana cara yang berikut:

- (a) dengan melengkapkan slip taruhan mengikut arahan yang dinyatakan pada slip taruhan dan mengemukakannya kepada ejen bagi tujuan pemprosesan melalui sistem dalam talian;
- (b) dengan memohon tiket *Quick Pick*; atau
- (c) dengan mengarahkan ejen secara lisan.

(3) Untuk pilihan pertaruhan PAU, jenis pertaruhan PAU hendaklah ditentukan oleh nombor ramalan 3-angka yang dipilih oleh peserta iaitu—

(a) “3-Cara pertaruhan PAU”, jika nombor ramalan dipilih ialah sepasang dan satu angka unik; atau

(b) “6-Cara pertaruhan PAU”, jika nombor ramalan dipilih ialah tiga angka unik.

(4) Resit tiket yang dicetak dengan sah adalah bukti pembelian yang sah dan penyertaan dalam Cabutan 3D yang berkenaan.

(5) Slip pertaruhan tidak menjadi bukti pembelian yang sah dan penyertaan dalam Cabutan 3D.

**Resit tiket**

7. (1) Resit tiket bagi Pertaruhan 3D hendaklah dikeluarkan dan dijual di premis yang ditetapkan dalam lesen sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dalam subperenggan 4(2).

(2) Resit tiket Pertaruhan 3D hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

(a) SABAH 3D;

(b) *Quick Pick* atau Pertaruhan PAU (jika berkenaan);

(c) nombor ramalan dan taruhan;

(d) nombor cabutan dan tarikh cabutan;

(e) harga;

(f) kod pengenalan dan kod keselamatan; dan

(g) maklumat lain yang berkaitan.

(3) Pemegang lesen atau ejennya boleh mengeluarkan resit tiket secara manual untuk dijual di mana keadaan mewajarkannya.

(4) Bagi maksud subperenggan (3), pengeluaran sedemikian hendaklah dihadkan kepada premis yang ditetapkan dalam lesen sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dalam subperenggan 4(2).

**Budi bicara mutlak pemegang lesen**

8. (1) Peserta boleh mengambil bahagian dalam Pertaruhan 3D tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh pemegang lesen.

(2) Pemegang lesen atau ejennya hendaklah mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak mana-mana orang daripada menyertai Pertaruhan 3D tanpa perlu memberikan apa jua alasan.

**Penerimaan resit tiket**

9. (1) Peserta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pemilihan yang dicetak pada resit tiket adalah sama dengan nombor ramalan 3-angka yang dipilih.

(2) Pemegang lesen dianggap tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa perbezaan bagi maksud subperenggan (1) dan boleh bergantung sepenuhnya dengan maklumat yang dicetak pada resit tiket atau direkodkan dalam sistem dalam talian.

(3) Dalam keadaan butir-butir yang dicetak pada resit tiket berbeza dengan rekod pemegang lesen, butir-butir yang direkodkan pada pita magnetik atau cakera atau apa-apa kaedah penyimpanan lain oleh pemegang lesen hendaklah diakui dan dianggap sebagai butir-butir yang benar bagi pembayaran hadiah dan tujuan lain.

**Cabutan 3D**

10. (1) Cabutan 3D hendaklah dijalankan pada setiap Rabu, Sabtu dan Ahad, atau pada hari lain yang ditentukan oleh Menteri, di tempat dan pada masa yang ditetapkan.

(2) Setiap cabutan hendaklah mempunyai satu nombor cabutan yang hendaklah dicetak pada resit tiket.

(3) Pemegang lesen boleh, dengan kelulusan Menteri, membatalkan atau mengubah bilangan cabutan.

(4) Apabila sesuatu cabutan tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan, cabutan hendaklah diadakan apabila keadaan mengizinkan.

(5) Apabila pemegang lesen memutuskan untuk tidak menjalankan sesuatu cabutan, semua pertaruhan yang ditempah bagi cabutan tersebut hendaklah dibayar balik kepada peserta dalam tempoh yang munasabah.

(6) Pembayaran balik hendaklah dibuat apabila peserta mengemukakan resit tiket yang sah kepada pemegang lesen atau ejennya.

(7) Pemegang lesen hendaklah mencabut secara rawak tiga nombor 3-angka, daripada 000 hingga 999 dan nombor yang dicabut adalah dirujuk sebagai nombor kemenangan. Pemegang lesen boleh, dengan kelulusan Menteri, mengubah bilangan nombor kemenangan.

(8) Dalam keadaan di mana nombor 3-angka yang dicabut tidak membentuk satu nombor 3-angka, ia hendaklah dicabut semula sehingga satu nombor 3-angka terbentuk.

(9) Dalam keadaan proses cabutan terganggu disebabkan masalah teknikal, pemegang lesen hendaklah menyambungkan semula proses cabutan apabila keadaan mengizinkan. Dalam hal itu, semua nombor yang dicabut sebelumnya hendaklah diakui sebagai nombor kemenangan bagi semua tujuan, termasuk pembayaran hadiah khususnya bagi Cabutan 3D tersebut.

(10) Dalam keadaan proses cabutan terganggu disebabkan bencana alam, apa-apa kejadian yang berlaku secara kebetulan atau *force majeure* yang mengakibatkan kehilangan rekod, dan oleh sebab penamatan proses cabutan tersebut memerlukan cabutan dimulakan semula, proses cabutan yang terdahulunya hendaklah dibatalkan untuk semua tujuan, termasuk pembayaran hadiah.

(11) Pemegang lesen adalah tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kesilapan yang dibuat dalam penerbitan nombor kemenangan dalam apa jua perantara dan adalah tidak bertanggung dalam apa jua cara terhadap mana-mana orang bagi apa-apa kerugian yang dialami yang disebabkan kesilapan itu.

(12) Sijil hendaklah diakui dan dianggap sebagai rekod rasmi tunggal dan adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas pihak.

### **Hadiah dan nombor kemenangan**

11. (1) Hadiah untuk mana-mana cabutan hendaklah dihadiahkan kepada pemenang mengikut struktur hadiah yang terpakai bagi cabutan berkenaan.

(2) Kelayakan kepada hadiah masing-masing, berdasarkan satu unit pertaruhan Ringgit satu (RM1) adalah seperti yang berikut:

<b>Kategori hadiah</b>	<b>Bilangan hadiah</b>	<b>Ditentukan dengan memadankan</b>	<b>Hadiah Besar (Ringgit)</b>
Pertama	1	nombor ramalan 3-angka ditentukan sebagai hadiah pertama dalam urutan tepat	500
Kedua	1	nombor ramalan 3-angka ditentukan sebagai hadiah kedua dalam urutan tepat	100
Ketiga	1	nombor ramalan 3-angka ditentukan sebagai hadiah ketiga dalam urutan tepat	30

(3) Pemegang lesen mempunyai budi bicara untuk menambah atau mengurangkan kategori hadiah dan bilangan hadiah dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan Menteri.

**Pembayaran wang hadiah**

12. (1) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket melainkan dan sehingga resit tiket kemenangan yang sah diserahkan dan disahkan oleh pemegang lesen atau ejen dengan menggunakan prosedur pengesahan sistem dalam talian atau sistem lain yang dianggap sesuai oleh pemegang lesen.

(2) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket melainkan ia telah ditentukan sebagai suatu tiket kemenangan. Butir-butir pada resit tiket seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 7(2) mestilah sama dalam setiap segi dengan rekod pemegang lesen, yang telah direkodkan terlebih dahulu dalam pita magnetik atau cakera atau mana-mana kaedah penyimpanan yang lain oleh pemegang lesen sebelum Cabutan 3D yang berkenaan.

(3) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket sekiranya apa-apa butir-butir yang dinyatakan dalam subperenggan 7(2) telah dipinda atau sukar untuk dibaca, atau sekiranya resit tiket telah hilang, dicuri, tidak dikeluarkan, dicatitkan, koyak, rosak, dipalsukan atau palsu, dibatalkan oleh ejen, tersilap dihasilkan, tidak lengkap atau diusik dengan apa jua cara.

(4) Pemegang lesen mempunyai hak untuk memuaskan dirinya akan kesahihan setiap resit tiket yang diserahkan sebagai suatu tiket kemenangan dengan cara ujian ketulenan dan pengesahan berdasarkan keperluan dan prosedur yang ditentukan dari semasa ke semasa, dan untuk mengisytiharkan suatu resit tiket yang gagal ujian tersebut adalah dianggap tidak sah.

(5) Apabila tiket kemenangan yang sah diserahkan bagi tujuan menuntut hadiah, semua hak, hak milik dan kepentingan ke atas resit tiket tersebut dipindahkan kepada pemegang lesen setelah pemenang menerima hadiah daripada pemegang lesen.

(6) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket jika didapati suatu resit tiket lain dengan butir-butir yang sama dalam semua perkara dengan resit tiket yang diserahkan untuk penebusan hadiah, yang telah pun dibayar sebelumnya oleh pemegang lesen atau ejen.

(7) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket jika didapati suatu resit tiket tersebut telah direkodkan sebagai dibatalkan dalam rekod pemegang lesen.

(8) Maklumat yang terkandung dalam mesej pengesahan dalam mana-mana perantara adalah tidak muktamad bagi kelayakan menuntut hadiah. Jika berlaku kesilapan pengesahan, jumlah hadiah tersebut, jika ada, yang kepadanya penuntut adalah berhak, adalah tertakluk kepada nombor yang direkodkan dalam Sijil dan struktur hadiah yang terpakai.

(9) Pemegang lesen mempunyai hak untuk meyakinkan dirinya bahawa seseorang yang menuntut hadiah adalah berhak, dan akan kekal berhak, ke atas hadiah sebagai pembawa yang sah sesuatu tiket kemenangan.

(10) Pemegang lesen boleh menghendaki seseorang pemenang untuk mengemukakan pengenalan diri yang sah untuk menyokong identiti pemenang. Bentuk pengenalan diri yang sah yang diperlukan adalah atas budi bicara mutlak pemegang lesen.

(11) Pemegang lesen adalah tidak bertanggungjawab untuk menentukan hak mana-mana individu ke atas semua atau sebahagian daripada hadiah yang dimenangi bagi resit tiket yang dibeli oleh atau dikeluarkan kepada suatu kumpulan dalam Pertaruhan 3D.

(12) Pemegang lesen adalah tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara kepada mana-mana orang bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang mungkin dialami akibat daripada penyertaannya dalam Pertaruhan 3D sebagai ahli sesuatu kumpulan.

(13) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket kemenangan jika didapati orang yang menuntut adalah seseorang yang dilarang oleh undang-undang atau apa-apa sekatan lain untuk menyertai Pertaruhan 3D.

(14) Dalam keadaan amaun pembayaran bagi sesuatu hadiah kepada seseorang pemenang memerlukan suatu perkiraan oleh pemegang lesen, perkiraan amaun tersebut adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas pemenang.

(15) Pemegang lesen boleh, atas budi bicara mutlaknyanya dan pada bila-bila masa semasa proses tuntutan hadiah, menghendaki maklumat peribadi tertentu daripada pemenang jika maklumat berkenaan adalah perlu untuk kesempurnaan pentadbiran pemegang lesen. Pemegang lesen tidak bertanggungjawab bagi kegagalan untuk membayar atau menghadiahkan kesemua atau sebahagian daripada hadiah jika ia disebabkan oleh kegagalan pemenang untuk memberikan maklumat yang dikehendaki kepada pemegang lesen atau untuk membenarkan pemegang lesen menzahirkan maklumat berkenaan seperti yang boleh dikehendaki oleh mana-mana keperluan berkanun.

(16) Pembayaran hadiah mengikut cara yang diperuntukkan dalam Skim ini, dan dalam apa-apa polisi dan prosedur yang dirumuskan dan ditadbirkan oleh pemegang lesen, akan dibuat, tanpa faedah, oleh pemegang lesen dalam masa yang munasabah selepas hadiah tersebut dituntut.

(17) Bagi tujuan mengambil apa-apa hadiah, pemenang hendaklah memberikan pemegang lesen hak untuk menerbit, mencetak atau menyiar nama dan alamatnya, dan mana-mana gambar, pita video, rakaman suara, kenyataan, surat perakuan, filem atau mana-mana pengeluaran semula daripada atau olehnya tanpa sebarang tanggungan yang dikenakan kepada pemegang lesen.

### **Pelepasan tanggungan sepenuhnya**

13. Pembayaran wang hadiah yang berkenaan kepada seseorang yang menyerahkan suatu resit kemenangan yang sah oleh pemegang lesen atau ejennya menjadi pelepasan sepenuhnya tanggungan pemegang lesen atau ejen berhubung dengan tiket kemenangan.

**Had masa tuntutan**

14. Semua tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh Cabutan 3D yang berkaitan.

**Premis ditutup untuk perniagaan**

15. Pemegang lesen boleh menutup mana-mana premis yang dinyatakan dalam lesen bagi mengendali, menganjur dan menguruskan Skim pada mana-mana hari atau masa.

**Syarat am**

16. (1) Pemegang lesen boleh, menurut budi bicaranya dan pada bila-bila masa, menolak untuk membayar balik mana-mana resit tiket yang dijual atau menerima mana-mana resit tiket yang dikembalikan untuk ditukar kepada resit tiket yang lain.

(2) Pemegang lesen boleh, menurut budi bicaranya dan pada bila-bila masa, menarik kembali atau enggan mengeluarkan, mengedarkan, mengesahkan, menebus atau sebaliknya menerima semua atau mana-mana bahagian daripada mana-mana resit tiket atau mengisytiharkan mana-mana resit tiket sebagai terbatal.

(3) Jualan resit tiket kepada dan pembelian resit tiket oleh mana-mana orang hendaklah mengikut subseksyen 20(1) Akta.

(4) Pemegang lesen tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan atau kerugian yang dialami oleh mana-mana orang akibat daripada operasi sistem dalam talian atau kegagalan sistem dalam talian untuk beroperasi sewajarnya atau sama sekali.

(5) Mana-mana orang yang mengambil bahagian dalam SABAH 3D hendaklah dianggap telah menerima dan hendaklah terikat dengan peruntukan Skim ini.

Dikemukakan kepada Menteri Kewangan oleh Pengarah Dirivan Corporation Sendirian Berhad pada 2 Julai 2001.

TAN SRI DATO' YAP YONG SEONG  
*Pengarah*  
*Diriwan Corporation*  
*Sendirian Berhad Kuala Lumpur*

MENURUT peruntukan seksyen 16 Akta Pertaruhan Pool 1967, Skim yang tersebut di atas telah diluluskan pada 1 Oktober 2001.

Bertarikh 12 April 2011  
[KK/BP/WAII(S)/8.00/4/2-8 JD.3; PN(PU2)226/XI]

SENATOR DATO' IR. DONALD LIM SIANG CHAI  
*Timbalan Kewangan Kedua*

POOL BETTING ACT 1967

SCHEME FOR THE OPERATION, PROMOTION AND MANAGEMENT  
OF BETTING OF SABAH 3D 2011

**Citation and commencement**

1. (1) This scheme may be cited as the **Scheme for the Operation, Promotion and Management of Betting of SABAH 3D 2011**.

(2) This scheme is deemed to have come into operation on 1 October 2001.

**Interpretation**

2. In this Scheme, unless the context otherwise requires—

“3D” means SABAH 3D;

“3D Betting” means bet placed in the 3D game;

“3D Draw” means the drawing of numbers from the drawing apparatus under this Scheme;

“Act” means the Pool Betting Act 1967 [*Act 384*];

“agent” means any person appointed by the licensee, including any of his employees, for conducting any financial transaction relating to 3D Betting;

“bearer” means any person in possession of a ticket receipt;

“bet” means a sum of money a participant wishes to stake on his selection;

“bet slip” means a slip of paper used by a participant for entry to 3D Betting through the online system or such other systems as the licensee deems appropriate;

“Certificate” means the official document of the draw results recording the winning numbers of a particular 3D Draw verified by the licensee;

“digit” means a non-negative integer from zero to nine;

“draw” means the random selection of the winning numbers by the licensee;

“draw number” means the number designated by the licensee to a 3D Draw;

“forecasted number” means the number selected by a participant or determined by the online system on behalf of the participant and printed on the ticket receipt;

“identification code” means a unique combination of alphabets and digits control number printed on a ticket receipt or other modes of identification determine from time to time by the licensee;

“license” means the license issued under the Act;

“licensee” means Dirivan Corporation Sendirian Berhad (Company No.: 163249-X);

“Minister” means the Minister of Finance;

“normal betting” means the betting by a participant of a 3-digit forecasted number selected in exact order from left to right, so that a normal betting ticket receipt will win a prize if the 3-digit forecasted number is identical to the 3-digit winning number drawn in the same order from left to right;

“online system” means the licensee’s computerised system for conducting 3D Betting, including any other device as approved by the licensee;

“participant” means any person who takes part in the 3D Betting by purchasing a ticket receipt, including the person who claims a prize;

“PAU betting” means the betting by a participant of a 3-digit forecasted number selected in any order, so that a PAU betting ticket receipt will win a prize if the 3-digit forecasted number is identical to the 3-digit winning number, regardless of the order of the number selected and drawn;

“person” means any individual, association, corporation, club, company or partnership;

“price” means the total bet payable by a participant to the licensee or his agent and is inclusive of taxes, if any;

“Quick Pick” means a 3-digit forecasted number randomly selected by the online system and a ticket receipt issued in this manner shall be called Quick Pick ticket;

“Scheme” means Scheme for the Operation, Promotion and Management of Betting of SABAH 4D;

“security code” means any form of coding which appears on a ticket receipt for the purpose of security control;

“ticket receipt” means 3D ticket issued by the licensee and purchased by the participant;

“unit bet” means an amount to be determined by the licensee as the minimum bet per forecasted number, excluding government tax which shall be borne by the participant;

“validation message” means the message displayed on the display screen or any other medium of the online system;

“winner” means any bearer of a winning ticket receipt;

“winning number” means the number drawn for the relevant 3D Draw; and

“winning ticket” means a ticket receipt that bears any forecasted number that matches the winning number.

**Exercise of rights under the license**

3. Subject to the Act, the licensee may, from time to time, operates, promotes and manages 3D Betting in accordance with the license.

**Establishment of offices**

4. (1) The licensee may establish offices at such places as he considers necessary for the operation, promotion and management of 3D Betting under this Scheme.

(2) For the purpose of 3D Betting through the online system, the licensee shall submit for the approval of the Minister the names and addresses of the premises where financial transactions relating to 3D Betting through the online system are to be conducted.

**Agent and employees**

5. (1) The licensee shall submit for the approval of the Minister the name, address and other particulars of any person to be appointed as its agent.

(2) The licensee may employ any person to manage the daily operations of 3D Betting, but such employment shall not be construed as an assignment of its rights and obligations under the license.

(3) No other person other than the agents or the employees referred to in subparagraphs (1) and (2) shall conduct or be otherwise involved in, the daily operations of 3D Betting.

**3D Betting**

6. (1) In placing 3D Betting, a participant shall select from the following:

(a) 3-digit forecasted number from 000 to 999;

- (b) normal betting or PAU betting or *Quick Pick* for each 3-digit forecasted number selected;
- (c) draw number and draw date; or
- (d) bet.

(2) A participant may select a 3-digit forecasted number and pay his bet in any of the following manners:

- (a) by completing a bet slip in accordance with the instruction stated in the bet slip and submitted to an agent for the purpose of processing through the online system;
- (b) by requesting a Quick Pick ticket; or
- (c) by instructing the agent verbally.

(3) For a PAU betting selection, the type of PAU betting shall be determined by the 3-digit forecasted number selected by the participant that is—

- (a) “3-Way PAU betting”, if the forecasted number selected is a pair and one unique digit; or
- (b) “6-Way PAU betting”, if the forecasted number selected is three unique digits.

(4) A valid by printed ticket receipt shall be a valid proof of purchase and an entry to the relevant 3D Draw.

(5) A bet slip is not a valid proof of purchase and participation in the 3D Draw.

**Ticket receipt**

7. (1) A ticket receipt for 3D Betting shall be issued and sold at the premises specified in the license as approved by the Minister in subparagraph 4(2).

(2) Ticket receipt for 3D Betting shall have the following information:

- (a) SABAH 3D;
- (b) *Quick Pick* or PAU betting (if applicable);
- (c) the forecasted numbers and bet;
- (d) the draw number and the draw date;
- (e) the price;
- (f) the identification code and the security code; and
- (g) other relevant information.

(3) The licensee or its agent may issue ticket receipt manually for sale where the situation so warrants.

(4) For the purpose of subparagraph (3), such issuance shall only be restricted to the premises specified in the license as approved by the Minister in subparagraph 4(2).

**Absolute discretion of the licensee**

8. (1) The participant may take part in a 3D Betting subject to the terms and conditions imposed by the licensee.

(2) The licensee or its agent shall have the absolute discretion to refuse any person from participating in a 3D Betting without having to assign any reason whatsoever.

**Acceptance of ticket receipt**

9. (1) A participant is fully responsible for ensuring that the selection printed on the ticket receipt is identical to the forecasted number selected.

(2) The licensee assumes no responsibility for any disparities for the purpose of subparagraph (1) and may rely solely on the information printed on the ticket receipt or recorded in the online system.

(3) In the event that the particulars printed on a ticket receipt differ from the record of the licensee, the particulars recorded on the magnetic tape or disc or any other storage method of the licensee shall be recognized and deemed as the correct particulars for the claiming of prizes and other purposes.

### **3D Draw**

10. (1) The 3D Draw shall be conducted every Wednesday, Saturday and Sunday, or on any other day as determined by the Minister, at the prescribed place and time.

(2) Each draw shall have a draw number which shall be printed on the ticket receipt.

(3) The licensee may, with the approval of the Minister, cancel or vary the number of draws.

(4) When a draw cannot be held on the fixed date, such draw shall be held when practicable.

(5) In the event the licensee decides not to conduct a draw, all bets placed for that draw shall be refunded to the participants within a reasonable time.

(6) The refund shall be made upon the participant presenting a valid ticket receipt to the licensee or its agent.

(7) The licensee shall draw at random three 3-digit numbers from 000 to 999. The numbers drawn is referred to as the winning numbers. The licensee may, with the approval of the Minister, vary the number of winning numbers.

(8) In the event that a number drawn does not constitute a 3-digit number, it shall be redrawn until a 3-digit number is formed.

(9) In the event that the drawing process is interrupted due to technical problems, the licensee shall resume the drawing process when practicable. In such a case, all numbers previously drawn shall be recognized as the winning numbers for all purposes, including the payment of prizes for that particular 3D Draw.

(10) In the event that the drawing process is interrupted due to an act of God, fortuitous event or force majeure resulting in the loss of records and termination of the drawing process which requires a recommencement of draw, the previous draw process shall be nullified for all purposes, including the payment of prizes.

(11) The licensee shall not be responsible for any error made in the publication of winning numbers in any medium and shall not be liable in any way to any person for any damages that may be suffered as a result of such error.

(12) The Certificate shall be recognized and deemed as the sole official record and is final, conclusive and binding on all parties.

**Prize and winning number**

11. (1) A prize for any draw shall be awarded to the winner in accordance with the prize structure applicable for such draw.

(2) Entitlement to the respective prize based on a unit bet of Ringgit one (RM1) is as follows:

<b>Prize categories</b>	<b>No. of prizes</b>	<b>Determined by matching</b>	<b>Fixed prize (Ringgit)</b>
First	1	3-digit forecasted number determined as first prize in the exact sequence	500
Second	1	3-digit forecasted number determined as second prize in the exact sequence	100

Third	1	3-digit forecasted number determined as third prize in the exact sequence	30
-------	---	---	----

(3) The licensee shall have the discretion to increase or reduce the prize categories and number of prizes from time to time subject to approval of the Minister.

**Payment of prize money**

12. (1) No prize shall be paid in respect of any ticket receipt unless and until the valid winning ticket is presented and validated by the licensee or the agent using the validation procedures of the online system or such other systems as the licensee deems appropriate.

(2) No prize shall be paid on any ticket receipt unless determined as a winning ticket. The particulars on the ticket receipt as stated in subparagraph 7(2) must be identical in every respect to the records of the licensee, which have been recorded earlier on the magnetic tape or disc or any other storage method of the licensee prior to the relevant 3D Draw.

(3) No prize shall be paid on any ticket receipt if any of the particulars stated in subparagraph 7(2) has been altered or illegible, or if the ticket receipt has been lost, stolen, unissued, mutilated, torn, damaged, counterfeited or forged, cancelled by the agent, produced in error, incomplete or tampered with in any manner.

(4) The licensee reserves the right to satisfy himself as to the validity of every ticket receipt that is presented as a winning ticket by means of such authentication and validation tests based on the requirements and procedures determine from time to time, and to declare that a ticket receipt which fails such tests to be void.

(5) When a valid winning ticket is presented for the purpose of claiming a prize, all rights, title and interest in the ticket receipt passes to the licensee upon the winner receiving the prize from the licensee.

(6) No prize shall be paid on any ticket receipt if it is found that there is another ticket receipt with identical particulars in every respect with the ticket receipt which has been presented for the redemption of prize, previously paid by the licensee or agent.

(7) No prize shall be paid on any ticket receipt if it is found that the ticket receipt has been recorded as cancelled in the licensee's records.

(8) The information contained in a validation message in any medium is not conclusive of the entitlement of a claimant to prize. In the event of a validation error, the prize amount, if any, to which the claimant may be entitled, is governed by the numbers recorded in the Certificate and the applicable prize structure.

(9) The licensee reserves the right to satisfy himself that a person claiming a prize is entitled, and will remain entitled, to such prize as the lawful bearer of a winning ticket.

(10) The licensee may require a winner to produce such valid identification to substantiate the identity of the winner. The valid form of identification required is at the sole discretion of the licensee.

(11) The licensee shall not be responsible for determining any individual's entitlement to all or part of a prize won on a ticket receipt purchased by or issued to a group participating in a 3D Betting.

(12) The licensee shall not be liable in any way to any person for any damages or loss that may be suffered as a result of his participation in the 3D Betting as a member of a group.

(13) No prize shall be paid on any winning ticket if the claimant is found to be a person prohibited by law or any other restriction to participate in a 3D Betting.

(14) In the event the amount of a prize payable to a winner requires a calculation by the licensee, the calculation by the licensee of the amount of the prize shall be final, conclusive and binding on the winners.

(15) The licensee may, in his absolute discretion and at any time during the prize claim process, require certain personal information from the winner if such information is necessary for the proper administration of the licensee. The licensee shall not be liable for failing to pay or award all or part of the prize if it is due to the failure of the winner to provide the licensee with such information or to permit the licensee to disclose such information as may be required by any statutory requirements.

(16) Payment of prizes in the manner provided in this Scheme, and in any policies and procedures formulated and administered by the licensee, will be made, without interest, by the licensee within a reasonable time after the prize has been claimed.

(17) In order to collect any prize, the winner must give the licensee the right to broadcast, print or publish his name and address, and any photograph, videotape, audio recording, statement, testimonial, film or any reproduction of or by him without the licensee incurring any liability.

**Complete discharge of liabilities**

13. A payment of the relevant prize money to a person presenting a valid winning ticket by the licensee or an agent constitutes a complete discharge of the licensee's or agent's liability in respect of the winning ticket.

**Time limit of claims**

14. All claims shall be made within six months from the date of the relevant 3D Draw.

**Premises closed for business**

15. The licensee may close any premises specified in the license for the operation, promotion and management of the Scheme on any day or time.

**General conditions**

16. (1) The licensee may, in his discretion and at any time, refuse to refund any ticket receipt sold or accept any returned ticket receipt in exchange for another ticket receipt.

(2) The licensee may, in his discretion and at any time, recall or refuse to issue, distribute, validate, redeem or otherwise honour all or any part of any ticket receipt or to declare a ticket receipt to be void.

(3) The sale of ticket receipt to and the purchase of ticket receipt by any person shall be in accordance with subsection 20(1) of the Act.

(4) The licensee shall not be liable for any loss or damages suffered by any person as a result of the operation of the online system or the failure of the online system to operate properly or at all.

(5) Any person who takes part in SABAH 3D shall be deemed to accept and shall be bound by the provision of this Scheme.

Submitted to the Minister by the Director of Dirivan Corporation Sendirian Berhad on 2 July 2001.

TAN SRI DATO' YAP YONG SEONG  
*Director*  
*Dirivan Corporation*  
*Sendirian Berhad Kuala Lumpur*

PURSUANT to the provision of section 16 of the Pool Betting Act 1967, the above Scheme has been approved on 1 October 2001.

Dated 12 April 2011  
[KK/BP/WAII(S)/8.00/4/2-8 JD.3; PN(PU2)226/XI]

SENATOR DATO' IR. DONALD LIM SIANG CHAI  
*Deputy Minister of Finance*